

0082

U B062 AAB  
MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 9 JULAI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, HARI INI BERKATA MASYARAKAT BERTANGGUNGJAWAB MENDIDIK KANAK-KANAK DALAM MENENTUKAN PEMBANGUNAN MEREKA.

KATANYA, MASYARAKAT YANG KASAR, TIDAK BERAKHLAK DAN MALAS TIDAK MUNGKIN MELAHIRKAN GENERASI MUDA YANG BERSOPAN, MULIA DAN RAJIN.

KETIKA BERUCAP MERASMIKAN PAMERAN +DUNIAKU+ DI MUZIUM NEGARA DI SINI, PERDANA MENTERI BERKATA, KERANA KEJAYAAN DAN KEGAGALAN MASYARAKAT BERGANTUNG KEPADA NILAI HIDUP YANG DIAMALKAN, MASYARAKAT HARUS MENGELAK DARIPADA UNSUR-UNSUR NEGATIF KETIKA MENDIDIK KANAK-KANAK.

USAHA PENDEKATAN PELBAGAI SEKTOR DAN PELBAGAI DISIPLIN AMAT MUSTAHAK DIWUJUD ATAU DIPERKUKUKAN BAGI MENENTUKAN KEBAJIKAN KANAK-KANAK, TAMBAHNYA.

+HANYA DENGAN MENYERU KEPADA IBU BAPA DAN GURU UNTUK MEMBENTUK PERIBADI YANG BAIK DI KALANGAN ANAK-ANAK TIDAK AKAN MEMBAWA KESAN YANG DIHARAPKAN,+ KATANYA DI PAMERAN YANG DIANJURKAN OLEH LEMBAGA PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA. -- LAGI

2009MST 09 07 87

D234

R B080 AAB  
MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

MENGENAI PERANAN IBU BAPA DALAM PENDIDIKAN KANAK-KANAK, BELIAU BERKATA +ANAK-ANAK MERUPAKAN ASET NEGARA DAN IBU BAPA YANG MENJADI MODEL ULUNG KEPADA ANAK MEREKA+.

IBU BAPA MEMPUNYAI PENGARUH YANG BESAR KE ATAS ANAK MEREKA DAN JIKA DIGUNAKAN DENGAN BAIK, NILAI-NILAI BAIK AKAN DIRESAP MENJADI SEBAHAGIAN DARIPADA PERIBADI ANAK YANG TIDAK MUDAH DIUBAH OLEH PENGARUH LAIN.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA IBU BAPA MASIH PERLU MEMPELAJARI SEDIKIT SEBANYAK MENGENAI CARA MENDIDIK ANAK DAN TIDAK BOLEH MENGANGGAP BAHAWA SETIAP DARIPADA MEREKA DIKURNIAKAN KEBOLEHAN UNTUK MENDIDIK ANAK DENGAN JAYANYA.

MENGENAI KANAK-KANAK CACAT, BELIAU JUGA BERKATA MASYARAKAT DAN AHLI PROFESIONAL TERTENTU BOLEH MEMBANTU MENERAT HUBUNGAN SEMULAJADI DI ANTARA IBU BAPA DAN KANAK-KANAK.

+MEREKA JUGA BOLEH MENGGALAKKAN KELUARGA KANAK-KANAK CACAT MEMAKSIMUMKAN POTENSI MEREKA,+ KATANYA. -- LAGI

0031MST 10 07 87

D238

R B082 AAB  
MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

SEBELUM ITU, KETUA PENGARAH LPPKN, PROF DR HAMID ARSHAT, BERKATA PAMERAN TERSEBUT MERUPAKAN KEMPEN UNTUK MENYEDARKAN IBU BAPA MENGENAI TANGGUNGJAWAB MEREKA DALAM PERKEMBANGAN DAN PEMBENTUKAN JASMANI DAN AKHLAK ANAK-ANAK SEJAK DARI PERINGKAT AWALAN.

SEPANJANG PAMERAN SEBULAN ITU, KEGIATAN YANG DIADAKAN TERMASUK PERTUNJUKAN PENTAS, CERAMAH MENGENAI PEMBANGUNAN KELUARGA DAN SUDUT BACAAN DI SAMPING LIMA KOLAM RENANG DI KAWASAN MUZIUM YANG DIBEDIAKAN KHAS UNTUK KANAK-KANAK.

HADIR SAMA DI MAJLIS ITU IALAH DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH DAN BEBERAPA MENTERI KABINET. -- BERNAMA

0037MST 10 07 87